



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 10 TAHUN 1989

**TUNTUTAN ELAUN-ELAUN KERANA BERPINDAH DARI RUMAH SEWA/
SENDIRI/TUMPANGAN KE RUMAH YANG DIBELI MELALUI SKIM
PINJAMAN PERUMAHAN KERAJAAN DAN PERPINDAHAN ATAS
KEADAAN DI LUAR KAWALAN**

1. TUJUAN

1.1 Tujuan Surat pekeliling Perkhidmatan ini adalah untuk menurunkan kuasa daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam kepada Ketua Jabatan yang bererti Pegawai Pengawal satu-satu Kementerian atau Jabatan bagi meluluskan tuntutan elaun-elaun kerana berpindah dari rumah sewa/sendiri/tumpangan ke rumah yang dibeli melalui skim pinjaman perumahan Kerajaan dan juga perpindahan atas keadaan diluar kawalan.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pada masa sekarang, Kerajaan ada memberi kemudahan menuntut elaun-elaun kerana berpindah rumah di stesyen yang sama tertakluk kepada syarat-syarat

tertentu seperti dinyatakan di dalam **Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8/80**.

Berdasarkan kepada peruntukan di perenggan 7.3 (c) (iv), **Pekeliling**

Perbendaharaan Bil. 8/80, Kerajaan telah memberi kemudahan kepada pegawai-pegawai untuk membuat tuntutan elaun-elaun kerana perpindahan di luar kawalan.

Dibawah peraturan yang sama Kerajaan juga memberi kemudahan kepada pegawai untuk menuntut elaun kerana berpindah di dalam stesyen yang sama dari rumah sewa/sendiri/tumpangan ke rumah sendiri yang dibeli melalui skim pinjaman perumahan Kerajaan tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia.

2.2 Selaras dengan langkah Kerajaan untuk mempercepatkan lagi proses pentadbiran, Jabatan ini telah memutuskan supaya kelulusan tuntutan elaun-elaun kerana berpindah rumah seperti yang dinyatakan di atas diturunkan kuasa kepada Ketua-ketua Jabatan.

3. KRITERIA-KRITERIA UNTUK MENIMBANGKAN PERMOHONAN

3.1 Dengan keluarnya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, Ketua Jabatan tidak lagi perlu untuk mengemukakan permohonan daripada pegawai dan kakitangan masing-masing ke Jabatan Perkhidmatan Awam bagi mendapatkan kelulusan tuntutan elaun-elaun kerana berpindah dari rumah sewa/sendiri/tumpangan ke rumah sendiri yang dibeli melalui skim pinjaman perumahan Kerajaan dan juga perpindahan atas keadaan di luar kawalan.

3.2 Ketua-ketua Jabatan adalah dengan ini diberi kuasa untuk meluluskan permohonan-permohonan tuntutan elaun kerana berpindah dari rumah sewa/sendiri/tumpangan ke rumah sendiri yang dibeli melalui skim pinjaman perumahan Kerajaan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (i) Rumah dibeli melalui skim pinjaman perumahan Kerajaan;
- (ii) Perpindahan dari rumah sewa/sendiri/tumpangan ke rumah sendiri yang dibeli melalui skim pinjaman perumahan Kerajaan adalah di dalam stesyen yang sama. Stesyen yang sama bererti satu lingkungan kawasan 33 km. dari tempat bertugas. Sehubungan dengan itu, pegawai yang membuat tuntutan hendaklah menyatakan alamat dan jarak jauh rumah sewa/sendiri/tumpangan serta rumah sendiri yang baru dibeli ke pejabat tempat bertugas;
- (iii) Permohonan hendaklah dikemukakan di dalam tempoh tidak lewat daripada 3 bulan selepas tarikh perpindahan dilakukan. Permohonan yang dikemukakan selepas tempoh yang ditetapkan tidak layak dipertimbangkan dan perpindahan yang dikira bagi maksud tuntutan adalah merupakan perpindahan yang dilakukan selepas kelulusan pinjaman perumahan diperolehi.

3.3 Kerajaan juga bersetuju untuk menurunkan kuasa bagi meluluskan perpindahan di atas keadaan-keadaan yang di luar kawalan seseorang pegawai seperti diperuntukkan di perenggan 7.3 (c) (iv) **Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1980** kepada Pegawai Pengawal Kementerian atau Pegawai Pengawal Jabatan yang mana berkenaan. Takrif keadaa-keadaan yang di luar kawalan seseorang pegawai adalah merangkumi keadaan-keadaan seperti berikut:

- (i) Perpindahan yang dilakukan akibat daripada bencana alam seperti banjir, tanah runtuh, kebakaran, rumah runtuh dan lain-lain. Perpindahan di sini bermakna perpindahan secara tetap dan bukannya berbentuk sementara;
- (ii) Pengambilan balik tanah (tapak rumah) oleh Kerajaan atau lain-lain pihak yang telah dibenarkan oleh Kerajaan;
- (iii) Perpindahan yang dilakukan oleh pegawai akibat daripada penerimaan notis

daripada tuan rumah untuk mengosongkan rumah tersebut tidak boleh diterima sebagai satu keadaan yang melayakkan pegawai menuntut Bayaran Perpindahan.

4. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN


4.1 Ketua Jabatan hendaklah memastikan bahawa kemudahan ini diberi hanya sekali sahaja di dalam tempoh perkhidmatan pegawai berkenaan dan hendaklah dicatatkan di dalam Penyata Perkhidmatan pegawai tersebut. Sebarang keraguan di dalam melaksanakan peraturan ini hendaklah dirujuk kepada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam.

5. TARIKH KUATKUASA

5.1 Surat Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuatkuasa mulai daripada tarikh ianya dikeluarkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' ABDUL MALEK BIN ABDUL AZIZ)

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

Malaysia

Tarikh: 11 November, 1989.

s.k.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

Semua Ketua Pengurusan Badan-badan Berkanun.

Semua Ketua Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan.